

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **SEMINAR TRANSFORMASI PENGUATKUASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN.**

Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan Seminar Transformasi Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan pada 19 hingga 21 Jun 2012. Seminar ini diadakan bagi tujuan untuk melaksanakan transformasi tugas di dalam sektor awam sepetimana yang disarankan oleh pihak kerajaan di dalam membentuk jati diri dan penghasilan perkhidmatan yang berkualiti di peringkat Kerajaan Tempatan.

Seminar ini juga dapat membuka ruang perkongsian di antara penguatkuasa PBT bagi memperkasakan lagi tindakan penguatkuasaan berdasarkan kepada Akta dan Undang-undang yang digunakan.

Di antara skop tugas yang terlibat adalah merangkumi aspek penguatkuasaan penjaja tanpa lesen, penguatkuasaan salahguna bangunan, pusat kecantikan dan menjagaan kesihatan, pusat hiburan, perniagaan tanpa lesen, kesalahan lalulintas, establisemen makanan, penyediaan kertas siasatan, penggunaan SOP seragam dan lain-lain aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan.

Tugas-tugas penguatkuasaan juga kadangkala berhadapan dengan pelbagai cabaran dan risiko yang menyebabkan pelaksanaan Undang-undang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Walaupun peranan dan fungsinya sama, namun tiada tindakan penguatkuasaan yang seragam di setiap Pihak Berkuasa Tempatan sehingga menyebabkan masyarakat setempat mempersoalkan setiap tindakan yang diambil kerana ianya berbeza mengikut PBT.

Kumpulan sasaran untuk seminar kali ini ialah semua peringkat Ketua Jabatan, Bahagian, Penguatkuasaan dan Kakitangan-kakitangan yang terlibat.

Seminar yang berlangsung selama 3 hari ini dijangka akan memberikan manfaat kepada setiap pegawai PBT di dalam menambahkan ilmu pengetahuan dan percambahan idea dan akal fikiran yang bernes di dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan..

Seminar ini juga merupakan salah satu medium perantara sesama PBT dalam berkongsi maklumat berhubung kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pihak Berkuasa Tempatan di dalam mengambil tindakan Penguatkuasaan serta mencari alternatif penyelesaian.

Disamping itu, seminar ini mampu untuk memberikan pendedahan dan perkongsian pengalaman berdasarkan kejadian semasa yang berlaku di dalam Pihak Berkuasa Tempatan. Pada masa yang sama, ia juga dapat meningkatkan imej perkhidmatan awam di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan hubungan baik dua hala melalui perkongsian maklumat dengan pelaksanaan program anak angkat melalui program mento-menti.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Tarikh : 15 Jun 2012

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,  
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my  
Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,  
010-4268050 ahmadiskandar@mbpj.gov.my